



BUKU PANDUAN PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU

**BUKU PANDUAN MENGIKUTI PROGRAM
SECARA PENDIDIKAN JARAK JAUH
DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA**

BAGI

**PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**

**MOD PENGAJIAN : PENDIDIKAN JARAK JAUH
INSTITUSI PENGAJIAN : IPG/IPTA/IPTS**



**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
Kementerian Pelajaran Malaysia**

2013



BUKU PANDUAN

**MENGIKUTI PROGRAM SECARA
PENDIDIKAN JARAK JAUH
DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA**

BAGI

**PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**



**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
Kementerian Pelajaran Malaysia**

2013

KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

PRAKATA	i
PENDAHULUAN	1
LATAR BELAKANG	2
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU	3-5
<i>Mod Pengajian</i>	
<i>Senarai Bidang</i>	
<i>Tempoh Pengajian</i>	
<i>Pembiayaan</i>	
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	6
<i>Syarat dan Kelayakan Asas</i>	
<i>Syarat Tambahan</i>	
CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON	7
CARA UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN	7
KEMUDAHAN CUTI	8
PANDUAN KEPADA CALON YANG MENGIKUTI KURSUS	9-10
<i>Tindakan Sebelum Mengikuti Pengajian</i>	
<i>Tindakan Semasa Mengikuti Pengajian</i>	
<i>Tindakan Selepas Mengikuti Pengajian</i>	
KELULUSAN BELAJAR	11-12
<i>Syarat-syarat Permohonan Kelulusan Belajar</i>	
TINDAKAN TATATERTIB	13
<i>Kelakuan & Tatatertib</i>	
<i>Penangguhan Pengajian</i>	
<i>Penarikan Diri</i>	
<i>Gagal/Diberhentikan</i>	
PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN	14
KES TIDAK MENDAFTAR/TIDAK MENGHADIRI KULIAH	15
HAK KERAJAAN	15
PENUTUP	15
LAMPIRAN	

BUKU PANDUAN

PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU

AMBILAN 2013

PRAKATA

Buku Panduan Program Pensiswazahan Guru (PPG) ini dihasilkan selaras dengan dasar baharu yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan kini diteruskan untuk tahun 2013. Berpandukan ketetapan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, maka Buku Panduan ini akan membantu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) mengikuti kursus pensiswazahan pada peringkat ijazah pertama.

Pelbagai pihak telah terlibat untuk menghasilkan Buku Panduan ini agar sejajar dengan matlamat untuk menghasilkan perkhidmatan perguruan yang cekap, berkesan dan berkualiti tinggi. Di samping itu, penghasilan Buku Panduan tersebut telah dipermudah supaya guru-guru yang terlibat dapat memahami dan merancang persediaan untuk mengikuti program ini.

Buku Panduan ini akan menjadi rujukan penting kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) yang berkhidmat di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

PENDAHULUAN

Program Pensiswazahan Guru (PPG) ini merupakan kesinambungan daripada rancangan pembangunan pendidikan dalam RMKe-9 yang mula dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10 (2011-2015). Pelaksanaannya berdasarkan keputusan mesyuarat yang berkaitan dengan '*Strategy Package for Higher Growth and Structural Change: Human Capital for High Income Economy*' pada 24 Jun 2009 antara Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) yang mengikuti pengajian dalam program PPG perlu mendapat Surat Kelulusan Belajar (surat kebenaran) daripada KPM. Bagi PPG Ambilan 2011, KPM telah mengeluarkan secara terus Surat Kelulusan Belajar kepada pegawai yang mengikuti pengajian melalui Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang mematuhi syarat dan telah ditetapkan atas pertimbangan, bahawa hak mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi adalah hak individu yang tidak boleh dihadkan. Namun begitu, pegawai perlu akur dengan kedudukan perjawatan yang terhad jika mereka tidak dilantik ke jawatan lebih tinggi.

'Mesyuarat Peraturan Dan Urusan Bagi Mendapatkan Kelulusan Untuk Mengikuti Pengajian Melalui Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Dan Sambilan' bertarikh 27 Julai 2000 memutuskan bahawa mulai 1 Ogos 2000, kuasa untuk meluluskan Kebenaran Belajar secara PJJ diurus oleh BPG. Sehubungan dengan itu, garis panduan belajar secara PJJ adalah perlu sebagai panduan khususnya kepada PPPLD untuk mengikuti program pensiswazahan secara tajaan atau persendirian.

LATAR BELAKANG

Kementerian Pelajaran Malaysia bersama-sama dengan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan supaya semua guru yang layak akan disiswazahkan dalam tempoh RMKe-10 (2011-2015) melalui Program Pensiswazahan Guru (PPG). Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi urus setia pada peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi melaksanakan program tersebut.

Cadangan program mensiswazahkan semua PPPLD berkelayakan yang berkhidmat di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjelang tahun 2015 di bawah RMKe-10 telah dibentangkan dan mendapat persetujuan dasar dalam Mesyuarat Profesional Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 9/2009 pada 10 September 2009 sebelum dibentangkan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bil. 16/2010 pada 29 September 2010 telah meluluskan 'Cadangan Pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru (PPG) di bawah RMKe-10'.

PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU

A. Mod Pengajian

- Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

B. Tempoh Pengajian

- 4 tahun

C. Senarai Bidang

Bil	Opsyen/Bidang Sekolah Menengah
1	Pengajian Agama Islam
2	Pengajian Bahasa Melayu
3	Pengajian Bahasa Inggeris
4	Pengajian Bahasa Cina
5	Pengajian Bahasa Tamil
6	Pengajian Pendidikan Jasmani & Kesihatan
7	Pengajian Sains
8	Pengajian Matematik
9	Pengajian Sejarah
10	Pengajian Pendidikan Seni Visual
11	Pengajian Geografi
12	Pengajian Ekonomi Rumah Tangga
13	Pengajian Kemahiran Hidup (KMT)
14	Pengajian Kejuruteraan Awam
15	Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
16	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (Kimpalan)
17	Pengajian Amalan Bengkel Mesin
18	Pengajian Automatif (Kenderaan)
19	Pengajian Sains Sukan
20	Pengajian Menservis Peralatan Penyejukan & Penyaman Udara

*Sumber Rujukan : Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pelajaran Malaysia*

Bil	Opsyen/Bidang Sekolah Rendah
1	Pengajian Agama Islam
2	Pengajian Bahasa Melayu
3	Pengajian Bahasa Inggeris
4	Pengajian Bahasa Cina
5	Pengajian Bahasa Tamil
6	Pengajian Sains
7	Pengajian Sejarah
7	Pengajian Matematik
7	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
8	Pengajian Muzik
9	Pengajian Pendidikan Jasmani & Kesihatan
10	Pengajian Pendidikan Seni Visual
11	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
12	Pengajian Pendidikan Khas (Umum)
13	Pengajian Pendidikan Khas (Pemulihan)
16	Pengajian Kemahiran Hidup /Reka Bentuk Teknologi
17	Pengajian Bimbingan & Kaunseling

*Sumber Rujukan : Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pelajaran Malaysia*

D. Kriteria Pemilihan Bidang/ Opsyen Bagi Calon PPPLD

- PPPLD di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengikuti bidang pengajian yang relevan dengan subjek yang ditawarkan di Sekolah Menengah/ Sekolah Rendah

atau

- PPPLD di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memilih bidang pengajian dengan mengekalkan opsyen ikhtisas asal (sepertimana bidang/ opsyen dalam Sijil/Diploma Perguruan)

atau

- PPPLD di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memilih bidang/ opsyen mengikut mata pelajaran utama yang diajarkan di Sekolah Menengah/ Sekolah Rendah (semasa)

E. Pembiayaan

Pembiayaan bagi PPG adalah melalui pemberian ***biasiswa*** Kementerian Pelajaran Malaysia dengan ***ikatan perjanjian/ kontrak*** berdasarkan terma-terma dalam Borang Perjanjian PPG.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Syarat dan Kelayakan Asas

- 1.1 **Warganegara** Malaysia
- 1.2 **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma** (PPPLD) yang sedang berkhidmat di Sekolah Rendah/ Sekolah Menengah/ Sekolah Bantuan Kerajaan/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Bahagian di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- 1.3 Berumur **49 tahun** dan ke bawah pada 2013. (Lahir pada atau selepas tahun 1968).
- 1.4 Telah **disahkan** dalam jawatan.
- 1.5 Tidak berdaftar dengan mana-mana institusi pengajian sebagai pelajar sepenuh masa dan separuh masa / sambilan dengan **tajaan KPM**.
- 1.6 Memiliki Diploma Pendidikan/Perguruan atau Sijil Perguruan.

2. Syarat Tambahan

- 2.1 Mempunyai pengalaman mengajar sebagai guru terlatih secara terus - menerus **lebih daripada 3 tahun**.
- 2.2 Melibatkan diri secara aktif dalam **aktiviti kokurikulum**
- 2.3 Mempunyai **kesihatan yang baik**.
- 2.4 Mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang baik dalam penilaian **prestasi 3 tahun yang terkini**.
- 2.5 Telah membuat **perisytiharan harta** tidak melebihi 5 tahun bawah peraturan 10, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- Calon yang masih dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib
- Calon yang tidak menamatkan kursus terdahulu tanpa alasan yang munasabah (Contoh: PGSR, PJJ KPM/OUM)
- Peminjam tegar pinjaman pelajaran Kerajaan

CARA UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*on-line*) sahaja dengan melayari laman sesawang (website) Kementerian Pelajaran Malaysia di alamat <http://www.moe.gov.my>
- Calon dinasihatkan melayari dahulu laman sesawang berkenaan untuk meneliti Panduan Permohonan dan memahami tatacara membuat permohonan secara dalam talian ini
- Calon dibenar untuk mengemukakan **satu permohonan** sahaja
- Maklumat permohonan yang tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak

KEMUDAHAN CUTI

1. PPPLD yang diluluskan untuk mengikuti Program Pensiswazahan Guru Secara PJJ anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama IPG/ IPTA/ IPTS, boleh memohon Cuti Kursus Sambilan (CKS) mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009 bagi tujuan kuliah/ bengkel/ seminar yang disyaratkan oleh Institusi sekiranya kuliah/ bengkel/ seminar diadakan sewaktu hari bekerja
2. PPPLD boleh memohon cuti tanpa rekod untuk menduduki peperiksaan sekiranya diadakan dalam hari bekerja/ dalam waktu pejabat (*Pekeliling Bil.KP(BB) 06/1/4 Jld.1(47) bertarikh 1.12.1997*)
3. PPPLD yang diluluskan untuk mengikuti Program Pensiswazahan Guru Secara PJJ anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia boleh memohon Cuti Tanpa Gaji / Cuti Rehat bagi tujuan kuliah/ bengkel /seminar yang disyaratkan oleh Institusi sekiranya kuliah/ bengkel/ seminar diadakan dalam waktu pejabat. Walau bagaimanapun, Cuti Tanpa Gaji ini memberikan implikasi kepada perkhidmatan dan penceen

PANDUAN KEPADA CALON YANG MENGIKUTI KURSUS

A. Tindakan Sebelum Mengikuti Pengajian

1. PPPLD yang ingin mengikuti Program Pensiswazahan Guru secara PJJ hendaklah merujuk kepada iklan tawaran yang dikeluarkan oleh KPM
2. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang KPM di url <http://www.moe.gov.my> mengikut tempoh yang ditetapkan
3. Permohonan yang telah lengkap dan menepati syarat dan kelayakan asas akan disokong oleh Guru Besar/ Pengetua/ Keta Jabatan dan diperakukan oleh Pengarah JPN/ Bahagian/ Ketua Jabatan secara dalam talian
4. Surat Tawaran Pengajian akan dikeluarkan oleh Institusi
5. Surat Kelulusan Belajar akan dipaparkan di laman sesawang KPM semasa tempoh semakan keputusan oleh calon dan perlu dicetak untuk dibawa ke Institusi sewaktu pendaftaran di Institusi. (Surat Kelulusan Belajar akan diakui sah apabila calon telah mendaftar dengan Institusi)

B. Tindakan Semasa Mengikuti Pengajian

1. PPPLD yang telah mendapat surat tawaran untuk mengikuti kursus PJJ di IPG/ IPTA/ IPTS dikehendaki membuat pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan.
2. PPPLD diingatkan agar memastikan bahawa kursus yang diikuti tidak mengganggu tugas-tugas hakiki
3. PPPLD bertanggungjawab untuk membuat pendaftaran pada setiap semester dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Institusi pengajian

C. Tindakan Selepas Mengikuti Pengajian

1. PPPLD yang telah menamatkan pengajian dengan jaya hendaklah memaklumkan hal penamatan pengajiannya kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk tujuan rekod perkhidmatan
2. PPPLD hendaklah mengisi borang permohonan selepas memperoleh ijazah bagi tujuan pelantikan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Siswazah (DG 41) berdasarkan iklan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dengan mengisi Borang SPP Bil 1/04 yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang SPP

KELULUSAN BELAJAR

Syarat-Syarat Permohonan Kelulusan Belajar

1. PPPLD yang telah dilantik secara tetap dalam perkhidmatan pelajaran
2. PPPLD yang mengikuti pengajian Program Pensiswazahan Guru (PPG) di bawah tajaan KPM mestilah Pegawai yang telah disahkan dalam jawatannya
3. PPPLD yang mempunyai kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya
4. PPPLD **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar bidang pengajian sebagaimana yang ditawarkan kecuali dengan persetujuan daripada KPM dan institusi pengajian
5. Had umur PPPLD bagi mengikuti PPG adalah tidak melebihi 49 tahun pada tahun 2013
6. PPPLD **TIDAK DIBENARKAN** untuk menggunakan kemudahan sekolah/ pejabat bagi tujuan program yang diikuti
7. Kerajaan tidak terikat untuk memberikan jawatan yang lebih tinggi atau sebarang jawatan yang lain setelah PPPLD memperoleh kelulusan dan penganugerahan daripada program tersebut
8. PPPLD tidak boleh menuntut sebarang elaun atau bayaran-bayaran lain daripada kerajaan selain yang dinyatakan dalam surat perjanjian
9. PPPLD tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang telah termaktub mengenai kelakuan dan tata tertib di bawah PKPA/ Akta Universiti Kolej Universiti/ Akta 174
10. PPPLD perlu membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) untuk pelantikan ke jawatan DG41 berdasarkan iklan yang dikeluarkan

11. PPPLD mestilah sanggup berkhidmat di mana-mana sekolah/jabatan sebagaimana yang diarahkan oleh KPM
12. Syarat kelulusan belajar terbatal dengan sendirinya jika berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan
13. PPPLD perlu mendaftar di Insitusi dengan membawa Surat Kelulusan Belajar/ Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan Guru yang boleh dicetak dari laman sesawang KPM
14. Surat Kelulusan Belajar secara PJJ adalah tertakluk di bawah tanggungjawab Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia

(Sumber Rujukan : `Mesyuarat Peraturan Dan Urusan Bagi Mendapatkan Kelulusan Untuk Mengikuti Pengajian Melalui Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Dan Sambilan' bertarikh 27 Julai 2000)

TINDAKAN TATATERTIB

KELAKUAN & TATATERTIB

Semasa mengikuti program, PPPLD adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Institusi/ Universiti dan hendaklah mematuhi Undang-Undang Negara mengikut Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pindaan 2002 serta arahan/ peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institusi/ Universiti berkenaan dari semasa ke semasa. Jika berlaku sebarang pelanggaran tatatertib, PPPLD berkenaan akan dirujuk kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk diambil tindakan selanjutnya.

PENANGGUHAN PENGAJIAN

PPPLD **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat sebarang penangguhan pengajian tanpa kebenaran Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia. Pembiayaan akan ditamatkan sekiranya penangguhan dibuat tanpa kebenaran. Sebarang penangguhan pengajian PPPLD akan menyebabkan penambahan tempoh pengajian. Oleh itu, PPPLD berkenaan dikehendaki membiayai pengajian sendiri sekiranya tempoh pengajian yang diluluskan telah tamat

PENARIKAN DIRI

PPPLD tidak dibenarkan untuk menarik diri daripada pengajian tanpa kebenaran BPG, KPM. PPPLD dikehendaki membuat pembayaran balik pembiayaan keseluruhan (Pecah Kontrak) sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian Pendidikan Guru yang telah ditandatangani

GAGAL/DIBERHENTIKAN

PPPLD yang gagal/ diberhentikan daripada pengajian hendaklah memaklumkan hal tersebut kepada BPG dengan serta-merta. PPPLD dikehendaki membayar keseluruhan pembiayaan (Pecah Kontrak) sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian Pendidikan Guru yang telah ditandatangani

PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

1. PPPLD yang tidak dapat menamatkan program dalam tempoh yang telah ditetapkan selama 4 tahun, hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan pelanjutan tempoh pengajian (jika berkenaan) kepada Bahagian Pendidikan Guru sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan belajar yang asal
2. Permohonan tersebut mestilah disertakan dengan dokumen seperti yang berikut :
 - a. surat permohonan daripada pemohon
 - b. borang permohonan PPG/Pelanjutan
 - c. surat tamat tempoh daripada Institusi
 - d. salinan Surat Kelulusan Belajar (asal)
 - e. salinan kad pengenalan
3. Pelanjutan tempoh pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) KPM
4. Pembiayaan pengajian selepas tamat tempoh (bagi kes perlanjutan tempoh pengajian) tidak akan dibiaya oleh KPM

KES TIDAK MENDAFTAR/TIDAK MENGHADIRI KULIAH

1. PPPLD dikehendaki mendaftar pada setiap semester pengajian yang ditetapkan oleh Institusi. Kegagalan membuat pendaftaran akan menyebabkan pengajian PPPLD tidak lagi aktif
2. Pihak Institusi pengajian akan memaklumkan senarai nama PPPLD yang berdaftar mengikut setiap semester pengajian kepada Bahagian Pendidikan Guru, KPM
3. KPM tidak akan membiayai yuran pengajian PPPLD yang tidak mendaftar pada semester berkenaan

HAK KERAJAAN

KPM berhak meminda syarat-syarat dalam buku panduan ini dari semasa ke semasa tanpa memberikan notis. KPM juga berhak untuk menarik balik kelulusan belajar sekiranya didapati maklumat yang diberikan oleh PPPLD tidak benar/ palsu atau berlakunya pelanggaran syarat-syarat kelulusan belajar, tanpa memberikan sebarang sebab.

PENUTUP


Semua peraturan dalam Buku Panduan untuk mengikuti Program Pensiswazahan Guru dan syarat-syarat di bawah pemberian kelulusan belajar secara PJJ ini berkuatkuasa serta-merta.

LAMPIRAN


(Carta Alir)

CARTA ALIR


Lampiran 1 - Memohon Pelanjutan Tempoh Pengajian




Lampiran 2 - Permohonan Pertukaran Bidang Pengajian




Lampiran 3 - Memohon Penangguhan/ Menarik diri Dari Pengajian



Lampiran 4 - Makluman Tamat Belajar Secara PJJ / Sambilan



Lampiran 5 - Memohon Pindaan Bagi Surat Kelulusan Belajar/Surat Perlanjutan/Surat Pertukaran Bidang



Lampiran 6 - Permohonan Pengesahan Bagi Surat Kelulusan Asal Yang Hilang / Musnah

